

29 OCT 2002

AZIZ SAMSUDDIN DILANTIK SEMULA SEBAGAI SENATOR

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsuddin hari ini mengangkat sumpah sebagai anggota Dewan Negara untuk penggal kedua.

Beliau mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Michael Chen.

Tempoh sekarang perkhidmatan Abdul Aziz sebagai Senator akan tamat pada Jumaat ini tetapi majlis angkat sumpah itu dipercepatkan kerana Chen akan mengadakan lawatan ke China pada masa itu.

Antara yang menyaksikan majlis itu ialah Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Gapar Gurrohu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin, Senator Datuk Nor Azah Awin, Senator Jaya Partian dan Senator Yew Teng Look.

Abdul Aziz yang ditemui kemudiannya berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas pelantikan semula beliau.

-- BERNAMA
RZS RZS NMO